

Ikan liar 'bertandang' di Ulu Tembeling, penduduk berpesta mengail

Oleh [Amir Hamzah Nordin](#) - Januari 10, 2024 @ 11:03am
bhnews@bh.com.my



Antara 30 wanita berpakaian tradisional, bertudung batik dan membawa beg mengkuang bersiap sedia untuk mengail menggunakan joran pelepas salak, di Kampung Kuala Sat, baru-baru ini. - NSTP/Amir Hamzah Nordin

JERANTUT: Gelagat 30 wanita menggayakan pelbagai fesyen busana tradisional, berkain sarung dan bertudung batik ketika menyertai pertandingan memancing ikan menggunakan joran pelepas salak ketika musim tengkujuh bukan asing lagi bagi penduduk di pesisir Ulu Tembeling, Pahang, di sini.

Keseronokan memancing ikan sudah menjadi tradisi pada musim tengkujuh apabila ikan liar mula menyambar mata kail dan dituruti sorakan penonton yang berada di tepi sungai.

Justeru, penyertaan seramai 30 wanita dari Kampung Kuala Sat, Jerantut dalam dalam pertandingan 'Mengail Joran Salak' mengisi acara Karnival Komuniti Kuala Sat, bersempena menutup tirai kalender 2023, baru-baru ini dilihat begitu meriah.

Peserta, Masadiah Abdul Hatim, 47, gembira bukan sahaja dapat bersama rakan menyertai pertandingan itu, malah dia juga diumumkan sebagai juara apabila berjaya mengail banyak ikan.

"Saya dapat ikan baung, rong dan kerai. Ikan ini akan saya masak gulai masam tempoyak, iaitu masakan popular penduduk di sini.

"Kali pertama joran saya mengena dan menyertainya sekadar suka-suka untuk merasai pengalaman memancing," katanya.

Berpakaian ala zaman dahulu

Seorang lagi peserta, Asmatullaili Salleh, 36, bangga apabila semua wanita menyertai perlu memakai pakaian wanita kampung ala zaman dahulu dan mereka berusaha mencari pakaian untuk memeriahkan acara.

"Ia sungguh melucukan mengail guna joran pelepas salak dan baju kurung potong Kedah serta kepala dibaluti kain batik," katanya.

Pengunjung dari Jerantut, Ramli Sulaiman, 65, berkata acara ini dianggap unik kerana ia tidak terdapat di tempat lain, tambah pula pesertanya hanya wanita.



BH
ONLINE

Tanpa menghiraukan hujan, peserta wanita mengail ikan sambil saksikan penduduk kampung. - NSTP/ Amir Hamzah Nordin



BH
ONLINE

Suasana meriah bagaikan pesta apabila ramai penduduk kampung menyaksikan pertandingan ‘Mengail Joran Salak’, di Kampung Kuala Sat. - NSTP/Amir Hamzah Nordin

"Saya diberitahu acara ini biasa dilakukan penduduk di Kampung Sat. Saya lihat kemauafakan penduduk apabila turut menganjurkan kenduri, sukaneka, pertandingan sepak takraw, sepancan penalti tutup mata (lelaki dan wanita)," katanya.

Katanya, aktiviti sebegini wajar dihidupkan dan dipergiatkan sebagai acara tradisional bagi merapatkan hubungan kekeluargaan dan komuniti setempat, selain boleh menjadi produk pelancongan menarik serta unik di kawasan Ulu Tembeling.

Selain itu, apa yang dilihat hujan lebat dan banjir bukan tidak diendahkan mereka, sebaliknya bagi kawasan tertentu di daerah itu, ada antaranya penduduk mengambil kesempatan itu untuk merasai pengalaman itu dengan melakukan aktiviti memancing.

Sudah menjadi kelaziman ketika musim tengkujuh, penduduk di pesisir Ulu Tembeling terutama di Kampung Kuala Sat, dianggap waktu paling menarik untuk menangkap atau mengail ikan.

Ketika itu, banyak ikan 'bertandang' ke sungai terbabit dan lebih menarik penduduk kampung menggunakan joran pelelah salak atau disebut 'sebaur' untuk mengail sekali gus ia antara acara kegemaran setiap tahun.

Menurut Pengurus Jawatan Kuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Kuala Sat, Abdul Jabar Dolah, mengail menggunakan pelelah salak antara aktiviti paling menarik disertai rakan, malah ia turut menggamit sanak-saudara pulang bercuti ke kampung untuk merasai pengalaman memancing.

"Selain memancing, bagi mereka yang berani akan masuk ke dalam Sungai Tembeling sehingga ke pada paras pinggang untuk mencuba nasib menangkap ikan liar yang banyak ketika air sedang naik.

"Mereka tidak menghiraukan hujan lebat yang turun, malahan orang ramai yang berdiri melihat di tepi sungai tidak kisah basah kuyup merasai keseronokan menyaksikan acara memancing yang jarang dilihat di tempat lain," katanya ditemui, baru-baru ini.



Gelagat wanita menyertai pertandingan 'Mengail Joran Salak' menutup tirai 2023, baru-baru ini. - NSTP/Amir Hamzah Nordin

"Lihat saja, misalnya dapat disaksikan 30 wanita dari daerah ini menyertai pertandingan 'Mengail Joran Salak' sebagai penutup 2023.

"Menariknya semua peserta turut menggayakan aneka pakaian tradisional termasuk berkain dan menyarung kepala dengan kain batik, membawa beg mengkuang dengan masing-masing teruja memancing ikan menggunakan kail pelepas salak sepanjang tujuh meter," katanya.

Suasana meriah dan santai apabila mata kail disambar ikan. Ada yang bernasib baik mendapat ikan lampam, kerai, lawang akan tersangkut di mata kail, malahan pernah ada mendapat ikan kelah.

"Dalam tempoh sejam masing-masing tersenyum lebar dapat membawa pulang ikan itu," katanya.